

# Bulan Bahasa Kebangsaan

## Menyatupadukan Pelbagai Kaum

AMIRAH SYAZWANI BADEROL SHAM



Bagi negara yang didiami pelbagai kaum dan pernah dijajah melalui konsep pecah dan perintah, proses menyatupadukan masyarakat Malaysia bukanlah mudah. Tambahan pula, Malaysia juga masih mengamalkan sistem pendidikan dua aliran, iaitu sekolah kebangsaan (SK) dan sekolah jenis kebangsaan (SJK), setelah negara mencapai kemerdekaan. Kepelbagaian bukan sahaja bahasa dan budaya, tetapi setelah dipisahkan sejak sekian lama semasa zaman penjajahan, "alat", seperti bahasa, diperlukan untuk menyatupadukan masyarakatnya demi kelangsungan keharmonian dan keamanannya. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa memainkan peranan penting dalam segala ruang lingkup kehidupan manusia.

Mantan Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew, dalam bukunya bertajuk *My Lifelong Challenge: Singapore Bilingual Journey* menyatakan keyakinannya terhadap peranan bahasa dalam pembinaan sesebuah negara, termasuklah menyatupadukan rakyatnya dengan menggunakan satu bahasa yang sama. Atas sebab itulah, Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) diraikan pada bulan Oktober saban tahun di negara kita. Program tahunan ini merupakan satu daripada agenda kerajaan Malaysia bagi memugarkan rasa cinta dan bangga masyarakat terhadap bahasa kebangsaan, seterusnya meniupkan roh perpaduan dalam kalangan rakyatnya.

Penggunaan bahasa kebangsaan di Malaysia dilihat semakin kurang mendapat sambutan masyarakat berbilang kaum di Malaysia, terutamanya dalam majlis rasmi. Pemimpin di Malaysia kini tidak lagi betah menggunakan bahasa Melayu dalam urusan rasmi, termasuklah ketika berucap dalam majlis rasmi dan mesyuarat, seperti pemimpin terdahulu. Pemimpin terdahulu masih memilih bahasa Melayu ketika memberikan ucapan walaupun pada peringkat antarabangsa. Sebagai buktinya, Datuk Dr. Awang Sariyan dalam tulisannya, "Muhasabah dalam Menangani Kelulut Bahasa", menyatakan mantan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak Hussain, berucap dalam bahasa Melayu ketika pemasyhuran hubungan antara negara kita dengan China pada tahun 1974. Jika pemimpin sendiri gagal untuk menggunakan bahasa Melayu dalam majlis rasmi, tidak mungkin rakyat sendiri berbuat demikian walaupun pelbagai kempen cinta akan bahasa telah dilaksanakan.

Masyarakat Melayu di kota gemar untuk memilih bahasa Inggeris manakala kaum Cina dan India pula lebih gemar untuk menggunakan bahasa ibunda masing-masing sebagai bahasa komunikasi harian


mereka. Hal ini berlaku disebabkan Malaysia merupakan negara yang menggunakan konsep kemajmukan berbanding dengan konsep asimilasi. Penggunaan konsep kemajmukan menyukarkan kewujudan satu bangsa satu bahasa kerana masyarakat akan lebih mengutamakan bahasa ibunda masing-masing, seperti kaum Cina dengan bahasa Mandarin dan kaum India dengan bahasa Tamil.

Sebaliknya, konsep asimilasi terbukti berjaya membentuk satu kebudayaan dan identiti yang sama, seperti yang berlaku di Thailand dan Indonesia. Sebagai buktinya, melalui penggunaan konsep asimilasi, ada antara rakyat di kedua-dua buah negara tersebut yang sanggup untuk menukar nama bagi menunjukkan bahawa mereka rakyat negara tersebut, seperti kenyataan Felo Utama Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Datuk Dr. Teo Kok Seong, dalam kertas kerjanya yang bertajuk "Bahasa Melayu Wasilah Perpaduan".

Masyarakat Malaysia kini dilihat tidak lagi mengutamakan bahasa kebangsaan dalam kehidupan harian mereka. Namun begitu, mereka tetap layak bergelar warganegara Malaysia walaupun tidak menggunakan bahasa tersebut. Jadi, mereka mengambil sikap ambil mudah dan lepas tangan tentang kepentingan untuk berbahasa kebangsaan. Pemilihan penggunaan bahasa mereka juga sekadar untuk mendapatkan komunikasi yang berkesan tanpa mengambil kira apa-apa pun bahasa yang digunakan. Fenomena pemilihan bahasa ini sememangnya wujud di Malaysia kerana masyarakatnya yang terdiri daripada pelbagai kaum.

Namun demikian, masyarakat Malaysia masih memilih bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu, apabila berkomunikasi sesama mereka kerana bahasa ini merupakan bahasa yang difahami oleh kebanyakan masyarakat tanpa mengira kaum mereka. Bahasa Melayulah yang boleh mengikat dan menjalin jiwa rakyat Malaysia. Sebagai buktinya, lagu kebangsaan negara kita, *Negaraku*, yang mempunyai 25 patah perkataan dalam bahasa Melayu mampu untuk menanamkan rasa kekitaan dan mewujudkan semangat kebersamaan dalam setiap diri warganegara ketika kita menyanyikannya. Jurang perbezaan dari segi ideologi, pemikiran, emosi, dan sebagainya antara bandar dengan luar bandar, elit dengan rakyat, serta masyarakat pelbagai suku kaum dapat dihubungkan melalui bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu.

Walau bagaimanapun, pelbagai kekangan dilihat mampu untuk membataskan tahap penggunaan bahasa



Perpaduan rakyat melalui satu bahasa perlu dipupuk sejak peringkat kanak-kanak lagi.

bahasa Melayu mempunyai nilai tambah yang banyak dan tidak terdapat pada bahasa lain yang digunakan di negara ini. Sebagai contohnya, kebanyakan rakyat Malaysia, walaupun bukan orang Melayu, dapat memahami papan tanda dan iklan yang disiarkan dalam bahasa Melayu, tetapi situasi sebaliknya jika menggunakan bahasa lain. Hal ini jelas menunjukkan bahawa nilai bahasa Melayu meluas sebagai bahasa komunikasi di Malaysia. Sebagai buktinya, bahasa Melayu juga digunakan secara meluas pada satu masa dahulu sehingga menjadi *lingua franca* di kepulauan Nusantara.

Kepercayaan orang Melayu mengutamakan bahasa Melayu ketika berkomunikasi, lebih-lebih lagi dengan kaumnya sendiri atau rakyat Malaysia amnya. Hal ini dikatakan demikian kerana berkomunikasi dalam

bahasa Inggeris akan mewujudkan jurang komunikasi, terutamanya bagi orang Melayu yang tinggal di luar bandar kerana mereka kurang fasih berbahasa Inggeris. Berdasarkan anggaran peratusan jumlah penduduk Malaysia yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada bulan Julai 2017, anggaran etnik Bumiputera ialah sebanyak 68.8 peratus, Cina 23.2 peratus, India tujuh peratus dan lain-lain satu peratus. Jadi, jelaslah bahawa pemilihan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan Malaysia merupakan langkah yang terbaik bagi melancarkan komunikasi kerana jumlah penuturnya yang mendominasi penduduk Malaysia berbanding etnik lain. Sejumlah 40 buah negara di Afrika, Asia, dan Amerika Selatan yang tidak memilih bahasa peribumi sebagai bahasa rasmi telah mengalami masalah dalam pembangunan bangsanya.

Penggunaan bahasa Melayu yang dilihat semakin terpinggir dalam kalangan masyarakatnya memerlukan berbagai usaha yang dilakukan secara berterusan bagi memastikan bahasa kebangsaan kekal gagah dan hebat pada jiwa bangsanya. BBK merupakan antara usaha tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana BBK merupakan antara usaha kerajaan Malaysia untuk memartabatkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa ilmu, dan bahasa perpaduan di negara kita. Perjuangan untuk memartabatkan bahasa kebangsaan tidak pernah terhenti kerana tanpa adanya usaha yang berterusan, mungkin

bahasa ini akan terus terpinggir dan layu di rumah sendiri. Perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia juga boleh tergugat.

BBK bermula dengan nama Minggu Bahasa Kebangsaan sekitar dekad 60-an sebagai gerakan untuk memartabatkan bahasa kebangsaan. Pada tahun 1999, gerakan ini telah diubah namanya kepada Bulan Bahasa dan Sastera Negara. Gerakan ini kemudiannya ditukar kembali kepada nama asalnya. BBK diadakan untuk memantapkan, memperkukuh, dan mempamerkan jati diri dan citra bangsa Malaysia, menguatkan rasa megah terhadap bahasa Melayu, mengeratkan dan memperkukuh perpaduan bangsa melalui bahasa tersebut, dan menyemarakkan peranan bahasa kebangsaan sebagai tonggak pembinaan negara.

Jika diperhatikan, usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu ini sebenarnya dilakukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada setiap masa dan diperhebat lagi ketika sambutan BBK diadakan di seluruh negara. Sejak tahun 2012, aktiviti BBK di seluruh negara telah diatur sepanjang tiga bulan, dari Oktober sehingga Disember. Hal ini dilakukan bagi membolehkan lebih banyak ruang dan peluang untuk masyarakat bersama-sama menyemarakkan BBK dan sebagai satu daripada usaha untuk memartabatkan bahasa kebangsaan sepanjang masa.

Kembara Bahasa merupakan antara pengisian penting dalam BBK. Hal ini dikatakan demikian kerana kembara itu merupakan kempen yang bergerak dari pelbagai arah di Malaysia dan mampu untuk mencapai golongan sasaran yang lebih berbanding dengan aktiviti lain yang dijalankan secara berpusat. Kembara Bahasa merupakan pergerakan simbolik pergerakan berkonvoi ke seluruh negara yang melibatkan masyarakat setempat berlainan kaum dalam pelbagai kegiatan yang berkaitan dengan

“Penggunaan bahasa Melayu yang dilihat semakin terpinggir dalam kalangan masyarakatnya memerlukan pelbagai usaha yang dilakukan secara berterusan bagi memastikan bahasa kebangsaan kekal gagah dan hebat pada jiwa bangsanya.”

bahasa kebangsaan. Falsafah yang dijadikan sebagai landasan Kembara Bahasa ialah pergerakan dari pelbagai arah, pelbagai kelompok rakyat bergerak seiring menuju destinasi dan matlamat yang sama, iaitu pembentukan satu bangsa dan satu negara.

DBP juga telah memperkenalkan kedai buku bergerak yang dinamai Ujana Buku semasa BBK pada tahun 2015 bagi masyarakat Malaysia yang sukar untuk mendapatkan bahan bacaannya dalam pasaran. Kedai buku bergerak ini menjelajah serata tempat dan sampai kepada khalayak umum di seluruh negara, termasuklah masyarakat di Sabah dan Sarawak. Ujana Buku merupakan kedai buku bergerak yang diubah suai daripada kenderaan pacuan empat roda yang dilengkapi rak buku dan kelengkapan terminal jualan. Hal ini mampu memperkenalkan DBP sebagai badan yang dibertanggungjawabkan atas segala hal yang berkaitan dengan bahasa kebangsaan selain menyemai budaya membaca dalam kalangan masyarakat Malaysia. Melalui Ujana Buku, usaha untuk memartabatkan bahasa kebangsaan dapat dilaksanakan secara lebih meluas melalui pembudayaan bahan bacaan bahasa Melayu terbitan DBP.

Sebagai kesimpulannya, penggunaan bahasa kebangsaan dalam kalangan masyarakat Malaysia, walaupun masih kurang mendapat sambutan, masih bernafas sebagai bahasa yang mampu untuk menjalinkan persefahaman dan membentuk penyatuan sesama mereka. Pendedahan terhadap bahasa kebangsaan secara tetap dan berterusan, selain menjadikan bahasa tersebut sebagai pilihan utama dalam komunikasi sosial masyarakatnya, dapat menjamin penguasaan dan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. BBK dilihat sebagai usaha yang mampu untuk menggalas peranan tersebut kerana aktiviti yang menyeru masyarakat di serata pelosok negara untuk bersama-sama mencintai bahasa kebangsaan melalui penyertaan dalam pelbagai bentuk kegiatan. Semua pihak, terutamanya organisasi awam di Malaysia, perlu beringan dengan DBP bagi memeriahkan BBK.

Media massa perlu memberikan liputan yang lebih meluas tentang gerakan ini selain bahan di laman sosial bagi memancing perhatian masyarakat Malaysia untuk sama-sama menayakan BBK. Hal ini dikatakan demikian kerana kelangsungan bahasa kebangsaan sebenarnya banyak bergantung pada bangsanya sebagai kumpulan pesesak kepada pihak berwajib agar tidak mengabaikan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Ayuh, bangsa Malaysia bangkit bersama-sama memartabatkan bahasa kebangsaan dengan bersama-sama menyemarakkan BBK 2017! **PB**